

Hasil kerjasama

549 graduan enam IPTS terima
diploma, ijazah dianugerahkan UPM

Oleh **Khairina Yasin**
 kayrina@bharian.com.my

SERAMAI 549 graduan enam institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menerima diploma dan ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Program Kerjasama IPTS - Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-11, kelmarin.

Daripada jumlah itu, 164 graduan Kolej Risda Melaka, Kolej ShahPutra, Kuantan (123), Kolej Teknologi Bestari, Setiu (112), Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kuala Lumpur (71), Kolej Poly-Tech Mara, Kuala Lumpur (45) dan Kolej Teknologi Timur, Sepang (35).

Sementara itu, Graduan Kolej Teknologi Bestari, Nurul Saidah Ibrahim, 25, menerima Anugerah Graduan Cemerlang Peringkat Bachelor; Roskamaazlira Jusoh, 28 (Kolej ShahPutra) Anugerah Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Diploma dan Fatimah Mustapai, 22 (Kolej Teknologi Bestari), Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Peringkat Diploma.

Semua anugerah disampaikan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof Tai Shzee Yew dan Pengerusi Jawatankuasa Konvokesyen

Program Kerjasama UPM-IPTS, Datin Norayini Ali.

Terdahulu dalam ucapannya, Nik Mustapha meminta IPTS terbabit memberi komitmen padu membantu UPM menyediakan peluang pendidikan berkualiti kepada pelajar berkecukupan.

Memandangkan kapasiti penawaran terhadap di kebanyakan IPT awam, katanya, IPTS terbabit menerusi program kerjasama dijalankan perlu melaksanakan tanggungjawab bagi menghasilkan graduan bermutu.

"UPM menerusi Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik serta Pusat Pendidikan Luar sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap IPTS terbabit program ini.

"Tindakan ini penting bagi memastikan semua aspek berkaitan kualiti akademik, keberkesanan program, kurikulum, prasarana dan kebajikan pelajar sentiasa menepati piawaian ditetapkan," katanya.

“UPM menerusi Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik serta Pusat Pendidikan Luar sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap IPTS terbabit program ini”

Dr Nik Mustapha R Abdullah
 Naib Canselor UPM



DR NIK MUSTAPHA melihat ijazah diterima Nurul Saidah (dua dari kanan) sambil diperhatikan Roskamaazlira (kanan) dan Fatimah selepas Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS di Serdang, kelmarin.

Nurul Saidah ketika ditemui menyifatkan kejayaannya adalah hasil usaha gigih serta berkat doa dan solat hajat yang dijadikan amalan kehidupan seharian.

Graduan Bachelor Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) itu berkata, inisiatif sendiri juga perlu termasuk mendapatkan nota mahupun bahan rujukan tambahan daripada rakan di institusi pengajian lain.

"Perkongsian sebegini banyak membantu saya memantapkan lagi pembelajaran sehingga lulus cemerlang dengan Gred Purata Nilai Kumulatif 3.60," kata anak sulung daripada sembilan beradik itu. Roskamaazlira pula bersyukur

diberi peluang melanjutkan pengajian tinggi dengan penajaan majikannya, Tenaga Nasional Berhad.

Graduan Diploma Pengurusan Perniagaan itu sebelum ini menolak tawaran memasuki Universiti Teknologi Mara selepas Sijil Pelajaran Malaysia kerana terpaksa bekerja bagi membantu keluarga.

"Selepas enam tahun

bekerja, saya berpeluang melanjutkan pelajaran dan bertuah kerana majikan bermurah hati membiayai pengajian.

"Kejayaan ini akan saya manfaatkan sebaik mungkin untuk membantu keluarga dan majikan dengan meningkatkan lagi tahap kecekapan dalam perkhidmatan," katanya.

INFO

- Enam IPTS terbabit dalam Program Kerjasama UPM-IPTS
- Tiga penerima Anugerah Graduan Cemerlang
- Dua program bachelor dan empat diploma ditawarkan
- Program dikendalikan Pusat Pendidikan Luar UPM